



RINGKASAN

Tun Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia ke-2, merupakan anak lelaki kepada Dato' Hussein Mohd Taib dan Teh Fatimah binti Daud. Beliau berkelulusan undang-undang dari United Kingdom dan berkecimpung dalam bidang politik setelah pulang ke tanah air pada tahun 1950.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO pada tahun 1951, dan telah menyertai rundingan untuk mencapai kemerdekaan daripada pihak British. Tun Abdul Razak menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran setelah kemerdekaan dicapai pada tahun 1957.

Dasar Ekonomi Baru merupakan buah fikiran Tun Abdul Razak, bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat Malaysia untuk mengatasi ketidakseimbangan ekonomi. Selain itu, beliau juga telah memperkenalkan Buku Hijau dan Buku Merah, untuk merancang serta memantau pembangunan luar bandar dan sektor pertanian.

Setimpal dengan segala jasa dan sumbangannya terhadap pembangunan luar bandar dan di peringkat nasional, Tun Abdul Razak telah diberi gelaran "Bapa Pembangunan Malaysia."

Tun Abdul Razak Hussein (1970 - 1976)

KRONOLOGI

- 1922 Lahir di Pekan, Pahang
- 1934 Menuntut di Kolej Melayu Kuala Kangsar
- 1939 "Student-Probationer" di Jabatan Perkhidmatan Awam
- 1940 Menyambungkan pelajarannya di Raffles College, Singapura
- 1941 Pihak Jepun menduduki Malaya, pelajaran tergendala
- 1943 Menghadiri kursus Koa Kunrensho di Singapura di mana beliau mempelajari bahasa Jepun, pentadbiran awam, dan latihan tentera
- 1951 Dipilih sebagai Timbalan Presiden UMNO
- 1951 Ahli tidak rasmi dalam Majlis Perundangan Persekutuan
- 1952 Dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang
- 1952 4 Sep - Berkahwin dengan Tun Hajah Rahah
- 1955 Dilantik sebagai Pemangku Menteri Besar Pahang
- 1955 Parti Perikatan memenangi 51 dari 52 kerusi di Pilihanraya Umum Malaya; Tunku Abdul Rahman menjadi Ketua Menteri Malaya
- 1955 Dilantik sebagai Menteri Pendidikan Malaysia & Menteri Besar Pahang
- 1956 Menyertai delegasi kemerdekaan Malaya ke United Kingdom
- 1957 Dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan
- 1959 Parti Perikatan memenangi 74 dari 95 kerusi dalam Pilihanraya Umum pertama Persekutuan Tanah Melayu
- 1959 Dilantik sebagai Menteri Pembangunan Luar Bandar
- 1960 Melancarkan program "Buku Merah" yang mengandungi pelbagai projek pembangunan untuk setiap daerah
- 1962 Dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Cobbold
- 1963 "Malaysia" dibentuk, terdiri daripada Malaya, Sabah, Sarawak, dan Singapura.
- 1963 Malaysia menghadapi ancaman dari Indonesia yang melancarkan Konfrontasi
- 1964 Parti Perikatan memenangi 89 dari 103 kerusi yang ditandingi
- 1966 Konfrontasi berakhir dengan kejatuhan Sukarno sebagai Presiden Indonesia
- 1967 Mengambil alih portfolio Kementerian Dalam Negeri
- 1967 Tun Razak menerima Anugerah Magsaysay dari Kerajaan Filipina untuk sumbangan beliau kepada pembangunan luar bandar
- 1969 Rusuhan kaum tercetus di Kuala Lumpur
- 1969 Dilantik sebagai Pengarah MAGERAN (National Operations Council) untuk mengendalikan negara selepas rusuhan kaum 13 Mei
- 1970 Jabatan Perpaduan Kaum didirikan & Rukunegara dirumuskan sebagai falsafah nasional
- 1970 [Menjadi Perdana Menteri Malaysia Kedua setelah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj meletak jawatan](#)
- 1971 Parlimen bersidang semula setelah 21 bulan pemerintahan Darurat
- 1971 Dasar Ekonomi Baru diperkenalkan
- 1973 Barisan Nasional ditubuhkan untuk menggantikan Parti Perikatan
- 1974 Hubungan diplomatik dijalinkan dengan negara China; Tun Razak membuat lawatan rasmi pada akhir bulan Mei 1974
- 1975 Tun Razak dirawat untuk penyakit leukemia di London
- 1976 14 Jan - Tun Abdul Razak Dato' Hussein meninggal dunia

KELUARGA

Isteri: Tun Hajah Rahah binti Tan Sri Haji Mohd Noah Omar

Anak-anak: Dato' Seri Najib Razak, Datuk Ahmad Johari Razak, Mohamed Nizam, Mohamed Nazim, dan Mohamed Nazir